☑ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 9/5/2012
Hari: Rabu M/S: 4
Ruangan: Dalam Negeri

BNM diminta beri perhatian serius

KUALA LUMPUR 8 Mei – Bank Negara Malaysia (BNM) didesak memberi perhatian serius terhadap bank-bank yang gagal mematuhi perjanjian melindungi hak peribadi dan keselamatan pelanggannya.

Profesor di Fakulti Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Datuk Amir Baharuddin berkata, langkah itu penting kerana penyelewengan maklumat yang dilakukan bank-bank terbabit akan menyebabkan hak asasi rakyat terancam.

Kata beliau, BNM seharusnya menjadi sebuah badan penguatkuasaan yang aktif memantau serta tegas dalam memastikan bank-bank seluruh negara mematuhi Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan (BAFIA) 1989.

"Namun demikian, isu kebocoran maklumat peribadi telah mengancam hak individu. Ini kerana maklumat yang bocor itu boleh dimanipulasikan oleh pihak berkepentingan untuk menjatuhkan pemilik maklumat berkenaan.

"Kita sudah menyaksikan beberapa kejadian iaitu pihak luar dapat mengakses maklumat individu lain untuk tujuan politik serta meraih sokongan peribadi. Masalah ini perlu diselesaikan segera," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Baru-baru ini, maklumat peribadi Pengerusi Eksekutif National Feedlot Corporation (NFCorp), Datuk Seri Dr. Mohamad Salleh Ismail telah dibocorkan oleh sebuah bank dan Pengarah Strategik Parti Keadilan Rakyat (PKR), Mohd. Rafizi Ramli telah mendedahkan maklumat itu kepada umum.